

Abdullah Quilliam: Penggerak Polisi Pan-Islamisme di Barat (1887-1932)

BITARA

Volume 7, Issue 3, 2024: 201-213
© The Author(s) 2024
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 2 August 2024
Accepted: 28 August 2024
Published: 17 September 2024

[Abdullah Quilliam: The Proponent of Pan-Islamism in the West (1887-1932)]

Luqman Al-Hakim Mohd Fauzi¹, Ermy Azziaty Rozali^{1*} & Syamsul Rijal²

- 1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi Selangor, MALAYSIA.
E-mail: luqman@tsis.my; ermy@ukm.edu.my
- 2 Fakultas Ushuluddin dan Filsafat (FUF), Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh, Kopelma Darussalam, Kec. Syiah Kuala, Kota Banda Aceh, Aceh 23111, Indonesia
E-Mail: literasi.syamsulrijal@ar-raniry.ac.id

*Corresponding Author: ermy@ukm.edu.my

Abstrak

Gagasan Pan-Islamisme merupakan salah satu usaha penting yang digerakkan oleh Sultan Abdul Hamid II semasa pemerintahannya sebagai khalifah bagi menyatupadukan umat Islam di seluruh dunia. Tentangan dan cabaran daripada pihak Barat untuk merampas wilayah-wilayah Islam melalui dasar kolonialisme telah dirancang bagi melemahkan kuasa politik dan pentadbiran kerajaan Uthmaniyyah. Kemunculan Abdullah Quilliam dari Barat yang senada memperjuangkan dasar Pan-Islamisme telah mengukuhkan lagi kedudukan Islam dan institusi khilafah di Barat terutamanya di Liverpool sehingga beliau dianugerahkan gelaran Sheikh al-Islam British Isles oleh Sultan Abdul Hamid II. Matlamat kajian ini adalah untuk meneliti biografi ringkas Abdullah Quilliam, membahas kerjasama strategik antara Quilliam dan Kerajaan Uthmaniyyah serta menganalisis sumbangan beliau dalam menyokong polisi Pan-Islamisme. Reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif melalui pendekatan kajian sejarah dan analisis kandungan. Kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data dengan memfokuskan sumber berkaitan sejarah Daulah Uthmaniyyah abad ke-20, pentadbiran Sultan Abdul Hamid II dan pengaruh agama Islam di wilayah British lewat kurun ke-20. Sementara itu, analisis data pula dilaksanakan melalui kaedah tematik dan deduktif. Hasil kajian mendapati bahawa Abdullah Quilliam sememangnya berperanan penting dan menjadi tonggak utama dalam menyemarakkan semangat kesatuan umat Islam di Barat dan juga di beberapa negara seperti India dan Afrika menerusi seruan dakwah secara syarahan serta penulisan. Pendekatan dakwah yang dipamerkan melalui penerbitan jurnal *The Crescent* dan *The Islamic World* membawa impak positif dalam melestarikan sebuah masyarakat madani bertunjangkan paradigma tauhid serta keluhuran akhlak. Justeru, ketokohan dan sumbangan Abdullah Quilliam harus diberikan perhatian sewajarnya dalam usaha untuk memanifestasikan suruhan dan perintah Allah SWT akan kewajipan ukhuwah sesama saudara Islam.

Kata kunci: Pan-Islamisme, Sultan Abdul Hamid II, Abdullah Quilliam,

Abstract

One of Sultan Abdul Hamid II's major initiatives to bring Muslims worldwide together was the concept of pan-Islamism, which he developed during his reign. The goal of the West's challenges and threats to annex Islamic lands through colonial policies was to undermine the Ottoman Empire's authority and governance. The emergence of Abdullah Quilliam, a Westerner who espoused similar Pan-Islamist ideals, strengthened the standing of Islam and the caliphate system in the West, especially in Liverpool, to the point where Sultan Abdul Hamid II bestowed upon him the title of Sheikh al-Islam of the British Isles. The aim of this study is to examine the brief biography of Abdullah Quilliam, discuss

the strategic cooperation between Quilliam and the Ottoman Empire, and analyze his contributions in supporting the policy of Pan-Islamism. A qualitative approach is adopted by applying the methods of historical study and document analysis. This study uses documentation methods as a data collection technique, focusing on sources related to the history of the Ottoman Empire in the 20th century, the administration of Sultan Abdul Hamid II, and the influence of Islam in British territories during the late 20th century. Meanwhile, data analysis is also conducted using thematic and deductive methods. The study found that Abdullah Quilliam indeed played a significant role and was a key pillar in igniting the spirit of unity among Muslims in the West and also in several countries such as India and Africa through his preaching and writings. The approach to da'wah showcased through the publication of the journals *The Crescent* and *The Islamic World* has a positive impact on sustaining a civil society grounded in the paradigm of monotheism and noble ethics. Therefore, the character and contributions of Abdullah Quilliam should be given due attention in the effort to manifest the commands and orders of Allah SWT regarding the obligation of brotherhood among fellow Muslims.

Keywords: Pan-Islamisme, Sultan Abdul Hamid II, Abdullah Quilliam

Cite This Article:

Luqman Al-Hakim Mohd Fauzi, Ermy Azziaty Rozali & Syamsul Rijal. (2024). Abdullah Quilliam: Penggerak Polisi Pan-Islamisme di Barat (1887-1932) [Abdullah Quilliam: The Proponent of Pan-Islamism in the West (1887-1932)]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(3): 201-213.

Pengenalan

Secara asasnya, gagasan Pan-Islamisme merupakan salah satu usaha penting yang digerakkan oleh Sultan Abdul Hamid II semasa pemerintahannya sebagai khalifah bagi menyatupadukan umat Islam di seluruh dunia. Pan-Islamisme juga adalah sebuah ideologi yang banyak dibahaskan oleh tokoh-tokoh ilmuwan serta para sarjana. Jika ditinjau dari sudut definisi secara umum, ia boleh ditakrifkan sebagai kesatuan Islam. Dalam bahasa Arab, ia disebut sebagai *الوحدة الإسلامية* atau *الجماعة الإسلامية* iaitu penyatuan umat Islam. Namun begitu, istilah *الجماعة الإسلامية* telah diguna pakai sebagai istilah rasmi bagi gagasan Pan-Islamisme sewaktu zaman pentadbiran Sultan Abdul Hamid II (al-Ba'abakī, 1995).

Sementara itu, istilah Pan-Islamisme dalam bahasa Turki pula disebut sebagai *İslam birliği* (Ermy Azziaty, 2016). Adapun perkataan lain dalam bahasa Turki yang turut digunakan adalah seperti *İttihad-ı İslam*, *İttihad-ı Din* dan *Uhuvvet-i Din* (Özcan, 1997). Walaupun begitu, perlu diketahui bahawa kesemua istilah tersebut mengandungi pengertian yang serupa dalam menjelaskan aspek perpaduan umat Islam di seluruh dunia tidak kira bangsa, warna kulit, bahasa pertuturan mahupun pegangan budaya. Kesemuanya bernaung di bawah panji yang sama iaitu panji Khilafah Islamiyyah yang didukung oleh Sultan Abdul Hamid II sebagai sultan yang bertanggungjawab mengembalikan kesatuan Islam di seluruh pelusuk dunia.

Gagasan Pan-Islamisme ini disebar luaskan ke serata dunia. Ia mendapat sambutan dan reaksi yang positif daripada pelbagai pihak seperti Semenanjung Tanah Melayu (Ermy Azziaty, 2016), wilayah India (Arshad Islam, 2019) serta golongan minoriti muslim yang mendiami negara British. Meskipun British merupakan salah satu kuasa veto Barat yang sering kali melancarkan misi untuk meranapkan penguasaan Islam Uthmaniyyah, namun ia tidak menghalang seorang warganegarannya yang dianggap sebagai tokoh penting kerana perannya yang signifikan dalam membela keutuhan dasar Khilafah Islamiyyah (Hellyer, 2007).

Beliau adalah Abdullah Quilliam yang senada memperjuangkan polisi Pan-Islamisme terutamanya di kota Liverpool sehingga beliau dianugerahkan gelaran Sheikh al-Islam British Isles pada tahun 1894 oleh Sultan Abdul Hamid II (Geaves, 2010). Kemunculan Abdullah Quilliam memberi peluang dan sinar baharu kepada sultan untuk memulakan langkah serta optimis dalam menyeru penyatuan umat Islam di Barat (Bayram, 2017). Abdullah Quilliam percaya bahawa agama Islam adalah agama sejagat yang tidak memerlukan sebarang kelayakan khas mahupun kelas sosial yang tertentu. Beliau turut digelar sebagai ‘kunci’ kepada prospek kejayaan negara Amerika tatkala pengaruh Islam mula bertapak di sana (Singleton, 2017).

Sementara itu, Abdullah Quilliam (1897) dalam *The Crescent* turut mempamerkan kegembiraan tatkala tentera Uthmaniyyah menempa kejayaan mengalahkan rejim tentera Yunani (Greece) dalam perang yang dinamakan sebagai *Turko-Greek War* (Quilliam, 1897), *Greco-Turkish War* (Crane, 2014) atau *Greco-Ottoman War 1897* (Katsikas & Krinaki, 2020), dengan mengisytiharkan fatwa serta proklamasi seperti berikut: *Muslims in every land! Now is the time to exhibit to the world the unity of Islam and the brotherhood of true believers. Let volunteers from every land offer their services to the Caliph of the Faithful.* (The Crescent. No. 224. 28th April 1897. Vol. IX, hlm. 266)

Biografi Abdullah Quilliam

Dalam menelusuri kisah perjuangan Abdullah Quilliam yang dianggap sebagai penganut agama Islam yang paling awal dan tersohor serta mempunyai kaitan secara langsung dengan kemunculan masyarakat Islam di Liverpool (Hellyer, 2009), aspek biografi menjadi perbincangan utama pengkaji untuk mengenali tokoh penting ini dengan lebih terperinci. Hal ini adalah kerana korpus kajian berkaitan biografi amat penting untuk difahami terlebih dahulu sebelum melangkah ke bahagian analisis yang lebih kritikal. Kenyataan ini disokong oleh Zabidin Ismail (2021) yang berpandangan bahawa aspek biografi adalah bahagian yang penting kerana ia merupakan khazanah sesuatu bangsa yang merakamkan fakta, peristiwa serta tingkah laku pelakon sejarah yang mengitari subjek.

Kehidupan dan Keluarga

William Henry Quilliam, yang lebih dikenali di Timur sebagai Sheikh Abdullah Quilliam, adalah seorang lelaki yang tidak begitu ceria namun dikenali oleh masyarakat sekeliling kerana mempunyai kecerdasan yang tajam. Beliau dilahirkan pada 10 April 1856 di 22 Elliot Street, Liverpool (Geaves, 2010). Beliau disifatkan sebagai seorang lelaki yang kurus dan manis dengan ciri-ciri wajah yang runcing, rupa yang halus, tinggi yang sederhana dan suara yang indah. Beliau seorang yang cerewet namun bercita-cita tinggi (Pool, 1892). Bapa W. H. Quilliam, Robert Quilliam, adalah seorang pembuat jam yang berjaya, dilahirkan di Drumgold Street di Douglas, bandar utama Isle of Man, iaitu sebuah pulau di Laut Ireland (Yusuf Teke, 2014).

Sementara itu, ibunya ialah Harriet Quilliam, anak kepada John Burrows, seorang doktor dan pemedato yang baik. Apabila Harriet Quilliam dilahirkan di Cheshire pada 3 Mac

1832, bapanya, seorang doktor terkenal di Liverpool, Dr. John Bamford Burrows telah meninggal dunia. Pada tahun 1854, Harriet melangsungkan ikatan perkahwinan dengan Robert Quilliam dan hasil daripada pernikahan tersebut, mereka telah dikurniakan seorang anak lelaki yang mereka namakan William Henry Quilliam. Harriet Quilliam telah berhijrah menjadi seorang Muslim pada 10 April 1893, iaitu pada hari ulang tahun kelahiran anak lelaki tunggalnya, dan mengambil nama Hatice (Geaves, 2010).

Pada tahun 1875, Quilliam telah berkahwin dengan Hannah Johnstone (Hannah Quilliam) dan dikurniakan empat orang cahaya mata sepanjang tempoh 1879 hingga 1885. Antara mereka adalah Robert Ahmed, Elizabeth, Harriet dan William Henry Bilal. Sekitar tahun 1883, Quilliam sekali lagi berkahwin dengan seorang wanita bernama Mariam Lyon (Mariam Quilliam). Hasil perkahwinan kedua ini, Quilliam dikurniakan seorang putera iaitu Muhammad Henry beserta empat orang puteri, Fatima, Ayesha, Mariam dan Habeebah. Secara rangkumannya, Quilliam mempunyai sembilan orang anak iaitu tiga orang lelaki dan enam orang perempuan (Gilham, 2014; Sherif, 2018).

Pendidikan

Abdullah Quilliam memulakan pendidikan rendahnya di King William's College di Pulau Man (Isle of Man). Kemudian, Quilliam melanjutkan pengajian peringkat tinggi di Grove Park School di Wrexham dan di Liverpool Institute di Mount Street. Beliau merupakan pelajar cemerlang di sekolahnya kerana telah menerima pelbagai anugerah dan sijil kepujian. Sepanjang tempoh pendidikannya, beliau juga dikenali sebagai seorang penulis yang berbakat. Buktinya, beliau memenangi banyak anugerah dan menerima sijil pada setiap tahun. Antara anugerah tersebut ialah "Anugerah Geologi" yang dikurniakan atas nama Ratu Victoria. Anugerah ini, yang diberikan bagi pihak Ratu, telah diberikan oleh jabatan yang dikenali sebagai "*Science and Art Department*" di Kensington, London (Quilliam, 1896).

Quilliam dikatakan minat dan gemar mendalami ilmu geologi dan zoologi. Setelah menjadi seorang Muslim, Quilliam menggerakkan inisiatif dengan membuka perpustakaan yang besar dan mewujudkan koleksi utama yang terkait dengan ilmu geologi di perpustakaan ini. Terdapat lebih daripada 2,000 buah buku mengenai ilmu teologi, sains, undang-undang serta geologi dalam perpustakaan yang dibangunkan oleh Quilliam. Di samping itu, Quilliam juga merupakan seorang saintis amatir yang terkenal dan ahli geologi terkemuka dalam kepakaran sejarah purba Isle of Man. Pada masa yang sama, minatnya dalam sejarah semula jadi membawa kepada pembangunan zoo persendirian di rumahnya (Geaves, 2010). Hal ini memaparkan sifat keilmuan serta keserjanaan yang terdapat pada Abdullah Quilliam dan ia seharusnya menjadi teladan kepada masyarakat dalam memajukan diri tidak kira dalam apa jua bidang sekalipun.

Kerjaya

Walaupun keluarga Quilliam terkenal dengan tradisi pembuatan jam di Liverpool, namun beliau kelihatan lebih cenderung untuk memilih kerjaya dalam bidang undang-undang dan menempa nama dengan jayanya dalam bidang ini. Quilliam, yang menceburi bidang

kewartawanan semasa mendalami jurusan undang-undang, mempunyai artikel yang diterbitkan dalam akhbar seperti *The Liverpool Mercury*, *The Albion*, *The London Globe* dan *The Lantern*. Pada awalnya, beliau dilantik menjadi kerani undang-undang kepada Alderman William Radeliffe, J.P., yang kemudiannya menjadi Datuk Bandar (Yusuf Teke, 2014).

Pada tahun 1878, Abdullah Quilliam mula dilantik sebagai peguam cara Mahkamah Agung. Dalam dunia kerjayanya, Quilliam telah terlibat secara langsung dalam mengendalikan beberapa kes penting seperti menjadi peguam cara kepada Ethens de Tomanzie atau gelarnya "*Black Doctor*" yang pernah terkenal satu ketika dahulu. Quilliam mempertahankannya daripada jatuh bankrap di Mahkamah Kebankrapan dan kes tersebut berjaya diselesaikan. Quilliam juga seterusnya berjaya mempertahankan lelaki yang sama di Mahkamah Chester Assizes, apabila dia dibebaskan atas tuduhan membunuh. Quilliam juga mengetuai beberapa kesatuan sekerja di Liverpool bagi membela serta memperjuangkan hak pekerja (Quilliam, 1897).

Keislaman

Sekitar tahun 1882 dan 1883, tatkala menjalani kehidupan seharian sebagai peguam cara, tahap kesihatan Quilliam mula merosot dan akhirnya doktor telah mengesahkan bahawa beliau telah ditimpa sakit dan perlu mendapatkan rehat yang berkualiti. Akhirnya Quilliam memutuskan untuk mengembara dan melancong bagi mendapatkan ketenangan setelah mengalami tekanan di bandar England. Quilliam memulakan ekspedisi pelayarannya dari Liverpool menaiki kapal SS Sidon (sebuah kapal besi seberat 2000 tan) ke Gibraltar, Tangier dan seterusnya ke Maghribi (Page, 2018).

Perjalanan Quilliam dari Liverpool ke Maghribi pada tahun 1883 mengambil masa sehingga tiga bulan. Sepanjang pengembaraan beliau di Maghribi, Quilliam telah terpengaruh dengan kesucian akidah Islam. Dalam kenyataan pertamanya selepas lawatan ke Maghribi, Quilliam berasa kagum dengan pengabdian umat Islam secara bersungguh-sungguh terhadap agama mereka (Siddique, 2017). Setelah itu, Quilliam memberikan penumpuan ketika masa lapangnya untuk mempelajari Al-Quran dengan menilai semua kebaikan dan keburukan yang dilihat (Pool, 1892). Pada tahun 1887, beliau secara rasminya menolak agama Kristian dan mengisytiharkan dirinya sebagai seorang Muslim (Germain, 2007; Geaves, 2010).

Sekembalinya Quilliam ke Liverpool, beliau memulakan pengajiannya mendalami agama Islam dengan mempelajari terjemahan Al-Quran dalam bahasa Inggeris, serta karya tentang Muhammad dan Islam yang ditulis oleh Thomas Carlyle, David Urquhart, dan William Muir (Gilham, 2014). Setahun selepasnya iaitu 1888, beliau telah mengisytiharkan keislamannya di media Liverpool ketika usianya 32 tahun, dan menukar namanya kepada Abdullah. Hebahan keislaman Quilliam telah mendapat pelbagai reaksi yang negatif terutama daripada keluarga dan rakan-rakannya. Masyarakat sekeliling juga turut melemparkan tohmahan, ejekan dan ada juga yang mendakwa bahawa Quilliam gila (Yusuf Teke, 2014). Biar pun dihina dan dicerca dengan pelbagai tuduhan yang tidak berasas itu, Quilliam tetap dengan pendiriannya untuk memulakan hidup dengan peraturan Islam yang syumul dan tidak teragak-agak untuk berdakwah kepada masyarakat Liverpool mengenai Islam (Quilliam, 1890; Geaves, 2010).

Kematian

Pada Jun 1908, Abdullah Quilliam mengambil keputusan untuk meninggalkan England dan berangkat ke kota Istanbul. Keberangkatan ini menandakan bahawa beliau tidak dapat kembali ke kampung halamannya, Liverpool, di mana tempat beliau menyebarkan dakwah Islam selama 32 tahun dengan gelaran Sheikh al-Islam dari Kepulauan British (Geaves, 2010). Tidak diketahui dengan tepat apa yang berlaku kepada Quilliam selepas 1908 dan ke mana dia pergi. Walau bagaimanapun, dalam berita yang disiarkan oleh *The Daily Telegraph Newspaper* pada 26 April 1932, isteri Quilliam, Mariam menyatakan bahawa dia menukar namanya di Turki (Ansari, 2008). Berkenaan dengan hal ini, terdapat bukti yang menunjukkan bahawa Quilliam kembali ke England dengan nama samaran H. Mustafa Leon. Yahya Birt mengatakan bahawa Quilliam mungkin telah kembali ke England dengan nama Mustafa Leon atau Henri M. Leon pada awal Disember 1914 atau pada 1922 iaitu setelah Perang Dunia Pertama meletus (Yusuf Teke, 2014). Terdapat juga khabar angin yang mengatakan bahawa Quilliam adalah pengintip British di Turki semasa Perang Dunia Pertama (1914-1918) walaupun tidak diketahui dengan tepat sama ada Quilliam adalah seorang perisik ataupun tidak (Geaves, 2010).

Abdullah Quilliam meninggal dunia pada 23 April 1932 ketika usianya 72 tahun di 23 Wellbeck Street, London, selepas menjalani pembedahan akibat komplikasi pada usus dan pembesaran prostat, di hospital tempat beliau dimasukkan dan didaftarkan di bawah nama Leon. Jenazah Abdullah Quilliam dikebumikan di Tanah Perkuburan Brookwood, Woking (*Brookwood Cemetery*) selepas upacara pengebumian di Woking pada 28 April (Yusuf Teke, 2014).

Kerjasama Strategik antara Quilliam dan Kerajaan Uthmaniyyah

Aspek kerjasama merupakan sebuah komponen asas yang dapat memacu kemajuan sesebuah kumpulan. Roestiyah (2008) menghujahkan bahawa jalinan kerjasama merupakan suatu kegiatan berkumpulan bagi melaksanakan sesuatu perkara dan menyelesaikan tugas tersebut secara kolektif. Kebiasaannya, hubungan kerjasama yang dibangunkan adalah bagi mencapai hala tuju dan visi yang sama bagi kedua-dua belah pihak. Oleh itu, subtopik ini akan cuba merungkai titik permulaan sehingga terbentuknya kerjasama pragmatik antara Abdullah Quilliam dengan Kerajaan Uthmaniyyah dalam memperjuangkan matlamat kesatuan Islam.

Hubungan Quilliam dengan Sultan Abdul Hamid II

Hubungan dan kerjasama strategik antara Abdullah Quilliam dan Sultan Abdul Hamid II bermula apabila beliau membuat rundingan pertama dengan seorang pegawai Uthmaniyyah pada bulan November 1889, iaitu melalui surat pengenalan diri kepada Duta Besar, Rustem Pasha. Pada ketika ini, beliau menggunakan nama William Henry, bukan Abdullah, pada kepala suratnya (Sharp, 2020). Isi kandungan surat tersebut memaklumkan tentang perpindahan agama beliau daripada Kristian kepada Islam. Quilliam turut menyatakan kerjasama beliau dengan

komuniti muslim di Liverpool, menyebarkan dakwah Islam dan usahanya untuk menubuhkan masjid serta Liverpool Muslim Institute (LMI) (Geaves, 2010; Gilham, 2014).

Dalam surat pengenalannya, Quilliam mendedahkan serba sedikit berkenaan dirinya selain daripada kariernya sebagai peguam cara dan peranannya sebagai Presiden *'The Congregation of True Believers'* di Liverpool, England. Motif utama pengirisan surat ini adalah untuk menghantar satu salinan risalah syarahannya yang berjudul *'The Faith of Islam'* yang diterbitkan pada tahun 1889 kepada Rustem Pasha (Quilliam, 1889). Abdullah Quilliam menaruh harapan yang tinggi agar Rustem Pasha memajukan surat tersebut serta karya beliau kepada Sultan Abdul Hamid II sebagai maklumat bahawa sokongan dan dukungan terhadap baginda sultan sebagai pemimpin Daulah Islamiyyah masih diteruskan di wilayah Barat.

Pada tanggal 7 Disember 1890 iaitu tahun berikutnya, Sultan Abdul Hamid II telah mengirim telegraf ke Liverpool bertujuan untuk menyampaikan ucapan tahniah kepada Abdullah Quilliam atas keislamannya dan usaha-usaha yang digerakkan untuk mengukuhkan kedudukan Islam di wilayah British. Antara usaha yang dipamerkan oleh Quilliam dan LMI sehingga mampu menarik perhatian sultan ialah menghalang drama teater *'Mahomet'* yang ditulis oleh Sir Thomas Henry Hall Caine kerana inti pati drama tersebut menggambarkan Rasulullah SAW secara fizikal dan hal ini bertentangan sama sekali dengan pegangan umat Islam (Tetens, 2015).

Bagi mendalami situasi dan perkembangan komuniti Islam di Liverpool, Sultan Abdul Hamid II telah mengutuskan salah seorang ulama' yang berkhidmat di Masjid Fatih, iaitu Tirmovah Hafiz Mehmed Efendi bagi menjalankan kajian serta penyelidikan terhadap orang-orang yang mengisytiharkan bahawa mereka telah menerima Islam selain memberi nasihat keagamaan bersama seorang penterjemah (Yusuf Teke, 2014). Hal ini secara tidak langsung mampu menyemarakkan lagi semangat masyarakat khususnya di Liverpool untuk mendekati agama Islam yang syumul, sejagat dan relevan seiring dengan peredaran zaman.

Penganugerahan Gelaran Sheikh al-Islam oleh Kerajaan Uthmaniyyah

Pada Julai 1894, Quilliam telah diberi penganugerahan oleh Sultan Abdul Hamid II dengan membawa gelaran rasmi, iaitu Sheikh al-Islam bagi Kepulauan British dan diutus bagi menyempurnakan misi rasmi ke Lagos, Afrika Barat, di mana beliau mewakili Sultan bagi upacara pembukaan masjid sumbangan Mahomet Shitta Bey. Pada Ogos 1895, Quilliam telah menerima cop mohor rasmi bersadur perak daripada khalifah yang mengesahkan kedudukannya sebagai Sheikh al-Islam (Geaves, 2010).

Quilliam memberikan penumpuan yang penuh terhadap misi ini kerana beliau merupakan perwakilan rasmi yang pertama sebagai wakil sultan dan berbetulan dengan pelantikan sebagai Sheikh al-Islam. Tambahan pula, jawatan ini telah diperakui dan disokong oleh Amir Afghanistan. Pada masa yang sama, gelaran rasmi yang disahkan oleh dua pemerintah Islam yang penting ini akan diiktiraf oleh pihak berkuasa British sekali gus memberikan Quilliam keabsahan untuk menuntut kepimpinan semua umat Islam di British serta mewakili kepentingan mereka di sana (Geaves, 2010). Secara umumnya, jawatan Sheikh al-Islam tidak pernah disandang oleh sesiapa pun selepasnya dan Quilliam dengan itu memegang status unik dalam sejarah Islam di British.

Sumbangan Abdullah Quilliam dalam Menyokong Pan-Islamisme

Ramai intelektual republikan liberal di Eropah dan Turki melihat Sultan Abdul Hamid II sebagai tokoh politik yang menindas, tetapi sebaliknya Quilliam menyanyungnya. Quilliam turut melihat Sultan Abdul Hamid II sebagai lambang pemerintah Muslim progresif yang rasional dan prihatin terhadap keadilan sosial yang membentuk syiar Islam. Daulah Uthmaniyyah terdiri daripada Muslim pelbagai bangsa dan warna kulit. Ia turut mengandungi populasi Kristian dan Yahudi yang hidup sebagai warganegara dengan mempunyai hak istimewa tersendiri. Kerajaan Uthmaniyyah menjadi manifestasi semua perkara yang disanjung tinggi oleh Quilliam dalam ajaran Islam terutamanya nilai kesejagatannya. Kepentingan yang diletakkan oleh Quilliam ke atas konsep persaudaraan sejagat menyebabkannya cenderung ke arah polisi pan-Islamisme dan kesatuan Islam.

Penubuhan *Liverpool Muslim Institute (LMI)*, Masjid Liverpool dan Medina Home

Pada Julai 1887, Abdullah Quilliam telah menubuhkan *Liverpool Muslim Institute (LMI)* dengan tiga ahli pertama yang mendaftar. Menjelang akhir tahun, terdapat tujuh orang mualaf bertemu di Dewan Vernon dan setahun kemudian, jumlahnya telah meningkat kepada dua belas ahli. Pada Julai 1889, kumpulan kecil itu terpaksa meninggalkan Dewan Vernon berkenaan dan pada 20 Disember 1889, mereka mendapat pemilikan sebuah rumah teres beralamat di 8 Brougham Terrace. Pada tahun yang sama juga, dua lagi mualaf menyertai LMI, menjadikan jumlah keseluruhan mereka adalah empat belas ahli (Geaves, 2010). Geaves, 2010).

Kejayaan Quilliam membentuk komuniti Muslim di British mendapat perhatian dunia Islam terutamanya negara-negara di mana kuasa Khalifah diiktiraf dan dihormati. Tahun 1895 akan menjadi titik perubahan pada komuniti Muslim yang kecil yang sedang melalui proses perkembangan tersebut. Sementara itu, Shehzade (Putera Raja) Afghanistan, Putera Nasrullah Khan telah menziarahi Masjid Liverpool dan membawa hadiah £2500 daripada ayahandanya Abdur Rahman Khan, Amir dan pemerintah negara tersebut (Quilliam, 1896). LMI mampu membeli 8 Brougham Terrace dan membayar gadai janji untuk lot 11 dan 12 Brougham Terrace.

Sumbangan besar tersebut bermaksud projek pengubahan mampu dilaksanakan termasuk menghias dan mereka bentuk semula masjid tersebut mengikut gaya tradisional Uthmaniyyah, membina semula dewan kuliah dan sebuah dewan besar untuk majlis istimewa seperti sambutan perayaan Islam. Selain itu, sebuah taman permainan disediakan di sekolah, lengkap dengan buaian dan tandas, penginapan dibina untuk Imam dan sebuah *khan* (asrama) dibina untuk pelayar Muslim yang miskin dan pelawat-pelawat lain. Bersebelahan masjid tersebut, terdapat kawasan untuk berwuduk dan tandas serta sebuah kawasan tidur untuk wanita, juga dengan tandasnya sendiri. Sekolah tersebut dilengkapi dengan makmal fotografi, kimia, elektrik, dan metalurgi (Quilliam, 1896).

Sebuah plak dalam dewan kuliah telah memaparkan maklumat bahawa ia dibina pada November 1895 dan dibiayai oleh Shehzade. Di samping itu, sumbangan dua orang muallaf Inggeris, iaitu John H. McGovern (FLAS) dan Abdur-Rahman Holehouse juga turut diberikan perhatian kerana banyak terlibat dalam projek tersebut serta masing-masing merupakan arkitek dan kerani. John McGovern juga mereka bentuk gerbang bercirikan seni bina Moor di masjid tersebut. Kerja menghias masjid diselia oleh Billal Quilliam Bey, T. Abu Bekr Barker, Djem Whitwell, Arabi Whitwell dan Hassan Radford (Geaves, 2010).

Setelah bertahun meneruskan usaha penyebaran dakwah Islam, Quilliam telah mengisytiharkan secara rasmi pembukaan Masjid Liverpool serta Liverpool Muslim Institute pada 4 Disember 1895. Turut hadir semasa pembukaan adalah Tuan Yang Terutama M. Kamil Bey (Konsul Besar Uthmaniyyah, Liverpool), R. Ahmed Quilliam Bey (anak sulung Quilliam dan Canselor Konsulat Uthmaniyyah di Liverpool) (Geaves, 2010). Sejak awal lagi, Quilliam berhasrat agar kehadiran umat Islam di Liverpool mampu untuk menikmati kemudahan-kemudahan pendidikan.

Selain itu, beliau juga mahu menyediakan sebuah sekolah untuk anak-anak muallaf. Prospektus sekolah tersebut mengiklankan pendidikan Inggeris berkelas tinggi kepada anak-anak Muslim. Risalah tersebut turut menyenaraikan beberapa manfaat kepada ibu bapa Muslim, termasuk tempat tinggal sesama Muslim, makanan disediakan khas dan sebuah masjid untuk menunaikan ibadah solat. Aspek kurikulumnya pula mencakupi beberapa pengajian seperti bahasa Perancis, bahasa Jerman, bahasa Latin, Sastera Klasik, Matematik, bahasa Arab dan bahasa Turki. Quilliam menyatakan bahawa Liverpool mempunyai sebuah kolej universiti yang hebat di mana ijazah dalam Sains, Falsafah, Undang-undang, dan Perubatan dapat diperoleh pelajar-pelajar yang berjaya dari sekolah tersebut.

Pada 1896, Abdullah Quilliam membuat keputusan besar iaitu membuka sebuah rumah Muslim khusus untuk kanak-kanak yang tidak dikehendaki. Setahun sebelumnya iaitu pada 1895, idea Medina Home dibentuk dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Rumah untuk kanak-kanak telah dibincangkan oleh Jawatankuasa LMI sebagai satu lagi kaedah memperkenalkan prinsip Islam di British. Dalam Mesyuarat Agung Tahunan itu, Quilliam mengingatkan tentang satu peristiwa pada 1895 dalam laporan tahunan Presidennya. Ia adalah berkenaan seorang wanita Yahudi yang menawarkan kepada beliau akan anaknya di jalanan (Geaves, 2010).

Ibu itu telah bertanya, adakah benar bahawa seorang Muslim akan bersedia mengambil anak angkat dengan syarat anak tersebut dibesarkan dengan ajaran Islam. Ibu itu juga telah menawarkan sedikit wang kepadanya. Quilliam telah meneliti kejadian ini dan membandingkan dengan sejumlah kes buruk terkenal, di mana rumah-rumah jagaan telah ditubuhkan oleh wanita-wanita tidak bermoral demi keuntungan dalam keadaan kanak-kanak jagaannya telah didera dengan teruk. Akhirnya, Quilliam telah memutuskan untuk mengambil anak itu sebagai anak angkat dan menamakannya semula sebagai Ishmael.

Operasi Medina Home telah dilaksanakan secara rasminya di premis baharu 12 Brougham Terrace. Syaratnya ialah anak-anak tersebut akan menerima nama Islam dan ibu bapa mereka perlu hapuskan semua tuntutan kepada kanak-kanak itu serta memberi persetujuan untuk anak tersebut dibesarkan sebagai seorang Muslim. Quilliam mencadangkan bahawa kanak-kanak di Medina Home tidak akan memakai pakaian seragam, namun bagi kanak-kanak

lelaki perlu memakai topi fez. Dalam ucapan tahunannya, beliau menyatakan bahawa situasi di Medina Home ini seolah-olah merujuk kepada barisan hadapan Janissari di dunia Barat.

Falsafah Dakwah Islam Melalui Penulisan *The Crescent* dan *The Islamic World*

Pada tahun 1893, di bawah naungan LMI, Abdullah Quilliam mula menghasilkan dua terbitan berkala iaitu *The Crescent*, yang diterbitkan setiap minggu, manakala artikel *The Islamic World* pula diterbitkan pada setiap bulan. Walau bagaimanapun, selepas cetakan September 1897, risalah *The Islamic World*, Quilliam telah menerbitkannya sekali dalam tempoh dua bulan. Menjelang bulan-bulan terakhir tahun 1898, percetakan tarikh pada kulit hadapan artikel tersebut telah dibuang secara rahsia oleh Quilliam bagi mengelakkan spekulasi negatif terhadap peranannya yang telah bertukar daripada sebaran 'bulanan' kepada hanya sekali setiap enam puluh hari (Page, 2018).

Artikel *The Crescent* dan *The Islamic World* keduanya mempunyai gaya kandungan dan intipati yang tersendiri. *The Crescent* bermula sebagai sebuah jurnal dengan kandungan lapan muka surat. Pada 19 Jun 1895, jurnal tersebut telah diperbesarkan kepada 16 muka surat setiap terbitan. Setiap keluaran bermula dengan bahagian nota editorial yang menyebut tentang sebarang penukaran atau kematian yang berlaku dalam komuniti Liverpool; topik dan kadangkala ringkasan kuliah yang diadakan di masjid; penglibatan Quilliam dalam sebarang aktiviti, acara atau kejadian sehari-hari yang lain. Secara ringkasnya, ia merupakan nota bagi kejadian yang berlaku sepanjang minggu sebelumnya.

Meninjau jurnal *The Islamic World* pula, ia dihasilkan dengan penerbitan setebal 32 muka surat kerana jarang dikeluarkan berbanding jurnal *The Crescent*. Kebanyakan isu mengandungi empat atau lebih artikel. Di samping itu, artikel dalam *The Islamic World* kadangkala merupakan esei pendek, namun sering kali menjadi esei panjang yang akan menyentuh pelbagai isu. Esei tersebut kebiasaannya dinukilkan oleh Quilliam sendiri atau ahli terkemuka LMI yang lain. Meskipun begitu, adakalanya Muslim dari luar negara juga akan melibatkan diri untuk menulis sehelai muka surat untuk jurnal berkenaan. Kebiasaannya, syarahan kuliah yang terkandung dalam jurnal *The Crescent* turut dicetak semula dalam majalah *The Islamic World* (Page, 2018).

Bagi Quilliam, majalah *The Crescent* dan *The Islamic World* adalah sebahagian daripada manifestasi aktiviti dakwah LMI. Quilliam menganggap capaian kedua-dua majalah ini sebagai salah satu aspek terpenting dalam visi LMI untuk menyebarkan Islam bukan sekadar di British, malah di seluruh dunia bagi merealisasikan aspirasi pan-Islamisme melalui penyatuan ummah di peringkat global seperti yang dinyatakan dalam *The Crescent* pada 15 Julai 1896:

Secretly a week passes without an extract from one or another of our journals being quoted in some other publication. I regard this as one of the most important features of our work. Standing upon this platform once a week, my voice only reaches the ears of a certain necessarily limited number of persons, some of whom come merely out of idle curiosity and are never seen by us again.

Although the importance of the lecture work is very great and must not be minimised or discountenanced and has been the undoubted means of bringing many converts into the faith, yet the printed matter we issue is read by hundreds and thousands every week. What is heard at a lecture is only retained in the memory for a time, but what is published and circulated remains ever in print, to be read and re-read over and over again. While we are asleep even, the silent witness still may be pursued by numbers of persons in distant lands. Therefore I trust you will all properly recognise and appreciate this feature of our work. Financially it is a loss, and I am afraid will remain as such for a considerable period yet, but this is a contingency that we must boldly face and be prepared to meet. (The Crescent, No. 183, 15th July 1896, Vol. VIII, hlm. 874-875)

Menjelang tahun 1908, kedua-dua terbitan ini iaitu *The Crescent* dan *The Islamic World* telah dihentikan secara tiba-tiba. Hal ini adalah ekoran daripada peristiwa tragis yang berlaku di bumi Turki Uthmaniyyah apabila puak Turki Muda melancarkan pemberontakan dan revolusi untuk menggulingkan kepimpinan Daulah Uthmaniyyah yang diterajui oleh Sultan Abdul Hamid II. Tragedi hitam yang melanda ini akhirnya telah menyebabkan Abdullah Quilliam tidak mempunyai autoriti lagi untuk meneruskan aktiviti dakwahnya secara terang-terangan dan gelaran konsul kehormat yang dianugerahkan juga telah dilucutkan (Geaves, 2010; Page, 2018; Sharp, 2020).

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, Abdullah Quilliam sememangnya tokoh Islam ikonik yang disanjung di British sehingga ke hari ini atas keringat dan sumbangan yang dicurahkan dalam konteks penyatuan umat Islam. Buktinya, legasi beliau pada hari ini telah mendirikan satu pertubuhan yang dinamakan sebagai Abdullah Quilliam Society bertujuan untuk menyelesaikan aktiviti pemulihan dan pemeliharaan Liverpool Muslim Institute di Brougham Terrace. Sementara itu, pertubuhan ini turut membentuk dan membangunkan laman web rasmi yang terkandung di dalamnya info seperti sejarah kehidupan Abdullah Quilliam, gambar-gambar beliau, puisi yang dikarang serta jurnal-jurnal penerbitan beliau iaitu *The Crescent*, *The Islamic World*, *The Faith of Islam* dan *Fanatics and Fanaticism*. Gelaran Sheikh al-Islam yang dianugerahkan Sultan Abdul Hamid II telah memberikannya autoriti dan kuasa untuk mengeluarkan fatwa lebih-lebih lagi apabila isu tersebut terkait dengan hak umat Islam tidak kira di mana jua mereka berada. Walaupun lantang berbicara soal kepentingan umat Islam sedunia, namun tatasusila dan pendekatan yang dipamerkan oleh Abdullah Quilliam masih dalam radar hikmah dan diplomatik. Merentasi dunia pasca-Khilafah pada hari ini, amat sukar untuk membentuk figura tunggal yang mengangkat martabat Islam di bumi Barat seperti Abdullah Quilliam. Hasil penulisan ini telah membuktikan bahawa Sheikh al-Islam Abdullah Quilliam sememangnya penggerak dan enjin dalam merealisasikan polisi pan-Islamisme di Barat lewat kurun ke-19 hingga awal abad ke-20. Justeru, sejarah nadir dan korpus warisan Islam seperti ini perlu diberikan perhatian sewajarnya, terutama kepada umat Islam agar kelestariannya kekal terjamin seiring dengan peredaran zaman.

Rujukan

- Ansari, H. 2008. The Quintessential British Muslim: Abdullah William Henry Quilliam (1856-1932). *Arches Quarterly* 2(3).
- al-Ba^calbakī, Rūhī. 1995. *Al-Mawrīd a Modern Arabic English Dictionary*. Beirut: Dar al-^cIlm al-Malayīn.
- Bayram, Aydın. 2017. Osmanli'nin Britanya'daki İlk Ve Tek Şeyhülislâmi Abdullah Quilliam Ve Liverpool İslâm Enstitüsü. *Sayı: 42*, ss. 163-194.
- Crane, S. 2014. *The Greco-Turkish War: January–May 1897*. England: Harvard University Press.
- Ermy Azziaty. 2016. *Turki Uthmaniah, Persepsi dan Pengaruh dalam Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Geaves, R. 2010. *Islam in Victorian Britain: The Life and Times of Abdullah Quilliam*. England: Kube Publishing Ltd.
- Germain, E. 2007. Southern Hemisphere Diasporic Communities in the Building of an International Muslim Public Opinion at the Turn of the Twentieth Century. *Comparative Studies of South Asia, Africa and the Middle East*, 27 (1): 126–138.
- Gilham, J. 2014. *Loyal Enemies: British Converts to Islam, 1850–1950*. London: Hurst & Company.
- Hellyer, Hisham. A. 2007. British Muslims: Past, Present and Future. Dlm. David Westerlund & Ingvar Svanberg (pnyt.). *Islam in The West: Critical Concepts in Islamic Studies*. Vol. 1, Regions and History. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Hellyer, Hisham. A. 2009. *Muslims of Europe. The 'Other' Europeans*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Islam, Arshad. 2019. Indian Muslims' Support for Ottoman Pan-Islamism: The Case of Shibli Nu'mani. *Intellectual Discourse*, 27 (1): 197-220.
- Katsikas, S. & Krinaki, A. 2020. Reflections on an "Ignominious Defeat": Reappraising the Effects of the Greco-Ottoman War of 1897 on Greek Politics. *Journal of Modern Greek Studies*, 38 (1): 109-130.
- Özcan, Azmi. 1997. *Pan-Islamism Indian Muslim, the Ottoman and Britain*. Leiden: E.J. Brill.
- Page, J. 2018. William 'Abdullah' Quilliam: Modernity and Faith as lived by a Victorian Muslim. Tesis Sarjana. The Department of History. Concordia University, Montréal, Québec, Canada.
- Pool, John. J. 1892. *Studies in Mohammedanism: Historical and Doctrinal with a Chapter on Islam in England*, Westminster: Archibald Constable and Company.
- Quilliam, A. 1890. *Fanatics and Fanaticism: A Lecture*. Edisi ke-2. Liverpool: T. Dobb & Co., Printers.
- Quilliam, A. 1896. *The Crescent*, No. 183. 15th July 1896. Vol. VIII, hlm. 874-875.
- Quilliam, A. 1897. *The Crescent*, No. 253. 17th November 1897. Vol. X, hlm, 729.
- Quilliam, A. 1897. *The Crescent*, No. 224. 28th April 1897. Vol. IX, hlm. 266.
- Quilliam, A. 1889. *The Faith of Islam: An Explanatory Sketch of the Principal Fundamental Tenets of the Moslem Religion*. Liverpool: T. Dodd & Co.
- Quilliam, A. 1896. *The Islamic World*, No. 39. July 1896, Vol. IV, hlm. 69.

- Quilliam, A. 1896. *The Islamic World*, No. 39. July 1896, Vol. IV, hlm. 76.
- Quilliam, A. 1896. *The Islamic World*, No. 43. November 1896. Vol. IV, hlm. 214.
- Roestiyah. 2008. *Strategi Belajar Mengajar*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Siddique, M. 2017. Abdullah Quilliam: A Muslim Revolutionary Socialist? Dlm. Gilham, J. & Geaves, R. *Victorian Muslim: Abdullah Quilliam and Islam in The West*, hlm. 7-23. New York: Oxford University Press.
- Sharp, M. 2020. On Behalf of The Sultan: The Late Ottoman State and The Cultivation of British and American Converts to Islam. Tesis Ph.D. Near Eastern Languages and Civilizations, Faculties of the University of Pennsylvania.
- Sherif, M. A. 2018. A Forgotten Memorial from Abdullah & Mariam Quilliam to the Ottoman Sheikh-ul-Islam. Dlm. Hussain, T (pnyt.). *The Islamic Review Special Edition*, hlm. 34-35.
- Singleton, B. 2017. Sheikh Abdullah Quilliam's International Influence: America, West Africa, and Beyond. Dlm. Gilham, J. & Geaves, R. *Victorian Muslim: Abdullah Quilliam and Islam in The West*, hlm. 113-131. New York: Oxford University Press.
- Teke, Yusuf. 2014. William Henry Abdullah Quilliam'in Pan-İslamist (İslam Birliği) Faaliyetleri (1891-1908). Tesis Sarjana. Marmara Üniversitesi Türkiyat Araştırmaları Enstitüsü Türk Tarihi Anabilimdali Yakınçağ Tarihi Bilim Dalı, İstanbul.
- Tetens, K. 2015. Sir Thomas Henry Hall Caine, Dramatist, with a Special Study of Mahomet (1890) and its Context. *Tesis PhD*. School of English, University of Leicester.
- Zabidin Ismail. 2021. Kepentingan Penerbitan Biografi. *Sinar Harian*, 28 November: 32.